

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1987/88

ATP 200 PRINSIP-PRINSIP KEWANGAN

Tarikh: 28 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
(3 jam)

---

Jawab LAPAN soalan. Pilih dan jawab EMPAT daripada LIMA soalan dalam Bahagian A dan jawab SEMUA soalan dalam Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Dengan secara ringkas, terangkan kandungan asas, termasuk penyata kewangan yang didapati dalam laporan tahunan perbadanan-perbadanan yang disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur.  
(10 markah)
2. Apakah penyata kewangan proforma? Bagaimana penyata pendapatan proforma dan kunci kira-kira proforma berbeza?  
(10 markah)
3. Bagaimana faedah dan dividen berlainan? Bagaimana faedah dan dividen serupa? Apakah implikasi (jika ada) setiap daripada jenis tersebut?  
(10 markah)

...2/-

4. Apakah bentuk-bentuk asas organisasi perniagaan? Bentuk manakah yang kebiasaannya terdapat di negara kita? Bentuk manakah yang paling mustahak berkaitan dengan penerimaan dan keuntungan bersih perniagaan?

(10 markah)

5. Apakah perantaraan kewangan dan pasaran kewangan? Apakah alternatifnya.

(10 markah)

**BAHAGIAN B**

6. Syarikat John Tonek membuat ramalan keperluan dana bulanan bagi tahun 1988 seperti berikut:

Bulan	Jumlah	Bulan	Jumlah
Januari	\$10,000,000	Julai	\$ 5,000,000
Februari	9,000,000	Ogos	7,000,000
Mac	8,000,000	September	8,000,000
April	6,000,000	Oktober	10,000,000
Mei	4,000,000	November	11,000,000
Jun	3,000,000	Disember	12,000,000

Kos pembiayaan jangka pendek dan jangka panjang dijangka menjadi 12 peratus dan 16 peratus. Anggapan keperluan semusim syarikat sama dengan aset semasanya dan keperluan kekal adalah sama dengan aset tetapnya. Dalam lain perkataan, syarikat tidak mempunyai aset semasa yang kekal.

...3/-

6. (a) Kira kos pembiayaan keperluan dana syarikat dengan menggunakan pendekatan agresif.
- (b) Kira kos pembiayaan keperluan syarikat dengan menggunakan pendekatan konservatif.
- (c) Kira puncak modal belanja bersih yang berkaitan dengan setiap daripada pendekatan tersebut.
- (d) Bentangkan dan bincangkan "trade-off" asas pulangan-risiko pembiayaan pendekatan agresif dan konservatif. Risiko digunakan di sini bagi merujuk kepada keperluan puncak modal bekerja bersih

(15 markah)

7. Syarikat Ripau Kakok membuat kesemua jualan atas syarat net 30 hari dan syarikat sedang memikirkan untuk menawarkan 2 peratus diskaun tunai atas pembayaran awal. Syarikat menjual 40,000 unit @ \$10 seunit. Kos berubah seunit ialah \$6 dan kos purata se unit pada tahap jualan 400,000 unit ialah \$7.50. Syarikat menjangkakan kelonggaran dalam syarat kreditnya akan meningkatkan jualan kepada 46,000 unit dan akan mengurangkan tempoh purata kutipan kepada 18 hari daripada 45 hari pada masa ini. Syarikat menjangkakan diskaun tunai akan diambil sebanyak 70 peratus daripada jualan dan hutang lapuk tidak berubah. Syarikat mempunyai 15 peratus keperluan pulangan atas pelaburan. Tentukan samada rancangan tersebut patut diadakan atau tidak.

(15 markah)

8. Syarikat Bindai Sandau menggunakan 100,000 gelen minyak setiap tahun dalam proses perkilangannya. Minyak tersebut digunakan sama rata dan boleh dibeli dan diterima dalam 15 hari. Syarikat mempunyai kemudahan menyimpan 50,000 gelen minyak. Syarikat telah menganalisa kos inventori dan mendapati kos pesanannya adalah \$250 setiap pesanan dan kos membawa adalah \$2 segelen setahun.

- (a) Kira pesanan kuantiti ekonomi minyak syarikat.
- (b) Kira jumlah kos bagi rancangan yang dicadangkan di bawah pesanan kuantiti ekonomi.
- (c) Kira darjah pesanan semula (dalam gelen).

(15 markah)

...4/-

9. Jualan dan belian sebenar Syarikat Rekha Menon bagi September dan Oktober 1987 bersama-sama dengan ramalan jualan dan belian bagi tempoh November 1987 hingga April 1988 adalah seperti berikut:

Tahun	Bulan	Jualan	Belian
1987	September	\$210,000	\$120,000
	Oktober	250,000	150,000
	November	170,000	140,000
	Disember	160,000	100,000
1988	Januari	140,000	80,000
	Februari	180,000	110,000
	Mac	200,000	100,000
	April	250,000	90,000

Syarikat membuat jualan tunai 20 peratus daripada kesemua jualan dan mengutip 40 peratus daripada jualan-nya dalam tiap-tiap bulan berikutnya selama 2 bulan selepas jualan. Lain-lain hari aliran tunai masuk dijangkakan adalah \$12,000 dalam September, Februari dan April dan \$15,000 dalam Januari, Februari dan Mac. Syarikat membayar tunai 10 peratus atas beliannya. Ia juga membayar 50 peratus daripada belanja dalam bulan berikutan belian dan 40 peratus 2 bulan kemudian.

Gaji dan upah berjumlah 20 peratus daripada jualan sebelumnya. Sewa sebanyak \$20,000 sebulan mestilah dibayar. Bayaran faedah \$10,000 hendaklah dibayar dalam Januari dan April. Pembayaran pokok \$30,000 juga hendaklah dibayar dalam April. Syarikat menyangka akan membayar dividen tunai sebanyak \$20,000 dalam Januari dan April. Cukai sebanyak \$80,000 mesti dibayar dalam April. Syarikat juga ingin membuat pengeluaran modal sebanyak \$25,000 dalam Disember.

...5/-

- (a) Dengan menganggarkan syarikat mempunyai baki tunai \$22,000 di awal November, tentukan berapa baki tunai akhir-bulan bagi setiap bulan dari November hingga April.
- (b) Juga dengan menganggarkan syarikat ingin mengadakan \$15,000 baki tunai minima, tentukan berapa jumlah keperluan pembiayaan bulanan ataupun baki tunai lebihan.
- (c) Sekiranya syarikat meminta kredit bagi menutup keperluan pembiayaan bagi tempoh November hingga April, berapakah besar kredit ini? Terangkan jawapan anda.

(15 markah)

- oooOooo -

